

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HGT 316 Analisis Ruangan Dan Perumusan Dasar

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGITUJUH [7] SOALAN DI DALAM
TUJUH [7] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Anda telah dilantik sebagai pakarunding pemasaran oleh sebuah syarikat antarabangsa untuk mencari satu lokasi yang berpotensi untuk mendirikan sebuah pasaraya baru di Pulau Pinang.

Peta 1 menunjukkan taburan lokasi 8 buah petempatan sediada (dilabel 1,2,...,8), 1 pusat petempatan cadangan (dilabel 9) dan 5 lokasi bagi pusat membeli-belah cadangan (dilabel A - E). Jadual 1a dan 1b masing menunjukkan data penduduk bagi pusat petempatan dan jarak antara pusat petempatan dengan lokasi cadangan pusat membeli-belah.

Jadual 1a: Penduduk Pusat Petempatan

Petempatan sediada	Penduduk
1	10,000
2	8,500
3	12,000
4	15,500
5	7,000
6	10,500
7	4,500
8	7,000
9	18,000

.../2

Jadual 1b : Jarak antara pusat petempatan dan lokasi pusat membeli-belah

Petempatan	A	B	C	D	E
1	2.8	5.6	5.8	6.1	6.0
2	5.0	4.3	6.9	9.0	8.1
3	4.7	8.5	5.6	2.4	4.0
4	5.0	6.9	2.3	2.0	1.5
5	5.1	8.3	5.0	1.4	2.1
6	3.5	1.0	2.5	6.0	4.4
7	4.1	1.3	4.0	8.1	6.8
8	4.5	8.7	6.9	4.9	6.0
9	1.3	5.2	3.0	2.7	2.7

- [a] Berdasarkan kepada jumlah penduduk petempatan sediada dan susutan jarak 1.5, cadangkan lokasi yang paling berpotensi untuk mendirikan pusat membeli-belah tersebut.

[15 markah]

- [b] Apakah kesan petempatan baru yang akan ditempatkan di Lokasi 9 terhadap pilihan lokasi pusat membeli-belah tersebut.

[10 markah]

2. Jadual 2 menunjukkan bilangan rumah didiami sendiri dan bilangan isirumah memiliki dua atau lebih kereta bagi Sheffield, 1971.

- [a] Dengan menggunakan kaedah yang sesuai, ukur pertalian ruangan antara kedua-dua angkubah tersebut.

[15 markah]

- [b] Huraikan dapatan anda.

[10 markah]

.J3

3. [a] Huraikan apa yang dimaksudkan dengan lokasi-allocasi.

[10 markah]

[b] Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai, huraikan tiga kumpulan utama model lokasi-allocasi

[15 markah]

4. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan ketersampaian.

[5 markah]

[b] Huraikan perbezaan antara ketersampaian relatif dengan ketersampaian keseluruhan.

[10 markah]

[c] Dengan menggunakan contoh-contoh tertentu, huraikan prosedur untuk mengukur ketersampaian antara lokasi asal dengan lokasi destinasi.

[10 markah]

5. Peta 2 menunjukkan taburan jenayah hipotetikal di Pulau Pinang.

[a] Dengan menggunakan kaedah yang sesuai, ukurkan corak ruangan taburan jenayah tersebut.

[15 markah]

[b] Huraikan dapatan anda

[10 markah]

.../4

Jadual 2: Bilangan rumah didiami sendiri dan isirumah memilik dua atau lebih kereta di Sheffield, 1971.

Bahagian	Bil. Rumah didiami sendiri	Bil.isirumah memilik dua atau lebih kereta
Attercliffe	1,877	87
Beaucliffe	5,739	988
Birley	2,582	351
Brightside	2,735	181
Broomhill	3,312	763
Burngrave	1,970	162
Castle	771	105
Darnhall	3,832	208
Dore	3,958	1,203
Ecclesall	5,785	979
Firth Park	2,054	156
Gleadless	2,516	431
Hallam	4,899	909
Handsworth	2,491	321
Heeley	3,740	231
Hillsborough	4,281	333
Intake	3,272	368
Manor	558	148
Mosborough	1,235	191
Nether Edge	3,932	538
Nether Shire	676	171
Netherthorpe	1,106	100
Owlerton	1,812	207
Park	844	127
Sharrow	1,897	128
Southley Green	1,290	152
Walkey	3,184	196

6. [a] Nyatakan pertimbangan-pertimbangan yang diambilkira di dalam kaedah Analisis Pelbagai Kriteria.

[10 markah]

- [b] Dengan merujuk kepada satu lokasi projek yang sesuai, bincangkan kesesuaian dan kekuatan kaedah tersebut di dalam kerja-kerja penganalisan projek.


[15 markah]

7. Analisis ruangan sangat membantu di dalam kerja-kerja merancang lokasi pusat-pusat perniagaan yang strategik untuk keuntungan yang maksimum. Bincangkan.

[25 markah]

.../Peta 1
.../6

Peta 1 - Taburan Pusat Petempatan dan Pusat Membeli-belah



4 0 4 Kilometers

- * Pusat Membeli-belah
- Pusat Petempatan
- Sempadan



set 5

...7

Peta 2 - Taburan Hipotetikal Jenayah di Pulau Pinang

